

23 SEP 1997

PM LAWAT EMPAT NEGARA BERMULA KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi ke Cuba, Chile, Uruguay dan Argentina mulai 25 Sept hingga 5 Okt ini bertujuan merapatkan lagi hubungan antara Malaysia dan negara-negara berkenaan.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Dr Mahathir akan diiringi beberapa menteri dan timbalan menteri, anggota Parlimen, beberapa orang menteri besar, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Lawatan ke Cuba dan Uruguay merupakan lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke kedua-dua negara itu, masing-masing atas undangan Presiden Fidel Castro dan Presiden Dr Julio Maria Sanguinetti.

Ini ialah lawatan kedua Dr Mahathir ke Chile. Perdana Menteri, yang pernah melawat negara itu pada 1991, diundang untuk memberikan ucapan utama pada perhimpunan ke-12 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik yang tahun ini diadakan di Santiago, Chile.

Selain memenuhi undangan Presiden Dr Carlos Saul Menem untuk melawat Argentina, Dr Mahathir juga dijemput merasmikan Majlis Perniagaan Asean-Mercosur yang diadakan di negara itu.

Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan Fidel Castro, Menem, Sanguinetti dan Presiden Chile Eduardo Frei Ruiz-Tangle.

Perkara yang akan dibincangkan mereka meliputi hal-hal hubungan dua hala, usaha meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan, isu serantau dan antarabangsa. -- BERNAMA

MAM NAK